

GARIS PANDUAN PERMOHONAN BANTUAN KECIL PENYELIDIKAN (PINDAAN 1/2016)

PENGENALAN	Bantuan Kecil Penyelidikan (BKP) diperkenalkan bertujuan untuk membantu kakitangan akademik/penyelidik untuk memulakan penyelidikan selaras dengan keperluan IPTA pada masa kini.	
KELAYAKAN PEMOHON	<p>Peruntukan ini terbuka kepada kakitangan Universiti Malaya seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pensyarah Muda (<i>Young Lecturer</i>) yang berkhidmat kurang daripada 3 tahun. 2. Bekas felo SLAB/SLAI yang telah tamat pengajian dan sedang menunggu pelantikan di Universiti Malaya. <p>[Hanya satu (1) kali sahaja permohonan dibenarkan bagi setiap kakitangan di atas]</p>	
DANA PERUNTUKAN	Penyelidikan Bidang Sains & Teknologi	RM 60,000.00 (maksima)
	Penyelidikan selain daripada Bidang Sains & Teknologi	RM 50,000.00 (maksima)
	[Sila ambil perhatian bahawa kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada peruntukan setiap tahun dan baki yang ada]	
TEMPOH PROJEK PENYELIDIKAN	Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah selama 24 bulan sahaja .	
TARIKH BUKA DAN TUTUP PERMOHONAN	Pihak Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan (PPGP) akan mengumumkan pembukaan permohonan peruntukan ini kepada setiap PTj dan secara umum pada awal setiap tahun.	
SYARAT & PERATURAN PERMOHONAN	<p>Setiap pemohon perlu mematuhi syarat-syarat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bagi kakitangan akademik, hanya pensyarah yang baru berkhidmat kurang daripada 3 tahun sahaja yang akan dipertimbangkan untuk menerima peruntukan ini. 2. Jika kakitangan tersebut telah menerima geran University of Malaya Research Grant (UMRG) atau mana-mana geran lain, mereka tidak layak menerima Bantuan Kecil Penyelidikan ini. 3. <u>Pensyarah Pelawat (luar negara)</u> bagi kategori <i>Young Researcher</i> seperti tersebut di atas hanya dipertimbangkan untuk pecahan Bekalan & Bahan Penyelidikan (<i>Consumables</i>) sahaja. 	

	<p>4. Setiap permohonan perlu dikemukakan melalui Ketua Jabatan seterusnya dihantar ke Pusat Pengurusan Geran Penyelidikan (PPGP) untuk diproses.</p> <p>5. Permohonan bagi geran ini dibuka sepanjang tahun secara <i>online</i> melalui laman web portal.um.edu.my>Reseach>e-Grant>BKP.</p> <p>6. Setiap pemohon perlu menamakan sekurang-kurangnya seorang Penyelidik Bersama bertaraf TETAP dari Universiti Malaya.</p> <p>7. Pemegang geran BKP hendaklah membelanjakan sekurang-kurang 85% daripada peruntukan BKP sebelum memohon geran UMRG.</p>	
<p>PERATURAN KEWANGAN</p> <p>Semua urusan kewangan adalah tertakluk kepada Polisi Kewangan daripada Bendahari, Universiti Malaya.</p> <p>Peruntukan yang dipohon bagi setiap vot hendaklah disenaraikan secara terperinci/lengkap dan dilampirkan sebutharga.</p>	<p>Vot 11000</p> <p>Upah & Elaun untuk melantik Penolong Penyelidik Siswazah (GRA) atau Penolong Penyelidik (RA)</p>	<p>Upah dan elaun untuk membiayai seorang GRA atau RA dengan mengikut Garis Panduan yang digunapakai oleh Universiti Malaya.</p>
	<p>Vot 21000</p> <p>Perjalanan dan Pengangkutan (40% maksima.)</p>	<p>Perbelanjaan perjalanan untuk menjalankan kerja lapangan dalam negeri sahaja yang dibenarkan menggunakan peruntukan ini.</p>
	<p>Vot 24000</p> <p>Sewaan</p>	<p>Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan</p>
	<p>Vot 27000</p> <p>Bekalan dan Bahan Penyelidikan</p>	<p>Perbelanjaan bagi pembelian bekalan/bahan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja.</p>
	<p>Vot 28000</p> <p>Baik pulih kecil dan Ubahsuai</p>	<p>Perbelanjaan bagi penyenggaraan peralatan sedia ada untuk memulakan projek penyelidikan.</p>
	<p>Vot 29000</p> <p>Perkhidmatan Ikhtisas</p>	<p>Pembayaran honorarium kepada Penolong Penyelidik sahaja yang membantu dalam kerja makmal / kerja lapangan.</p>
	<p>Vot 35000</p> <p>(RM 10,000.00 maksima)</p>	<p>Pembelian peralatan yang diperlukan bagi menjalankan projek penyelidikan di mana ia perlu didaftarkan di bawah seliaan jabatan.</p>

	Setiap peralatan berharga RM3000 dan ke atas perlu kemukakan sebut harga Peralatan	Pemohon adalah digalakkan untuk bekerjasama dengan Penyelidik Senior dan berkongsi peralatan. Pembelian <i>desktop</i> dan <i>laptop</i> adalah tidak dibenarkan.
LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN	Laporan Kemajuan	Laporan Kemajuan perlu dihantar dalam tempoh 12 bulan dari tarikh mula projek , ke alamat berikut: Pejabat Pengarah Institut Pengurusan & Pemantauan Penyelidikan (IPPP) Aras 7, Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi Universiti Malaya PENTING: Jika tempoh projek yang diluluskan hanya 12 bulan, Ketua Projek perlu hantar Laporan Akhir Penyelidikan sahaja.
	Laporan Akhir	Laporan Akhir penyelidikan perlu dihantar dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh tamat projek , ke alamat berikut: Pejabat Pengarah Institut Pengurusan & Pemantauan Penyelidikan (IPPP) Aras 7, Kompleks Pengurusan Penyelidikan & Inovasi Universiti Malaya
PELANJUTAN TEMPOH PROJEK	Setiap permohonan pelanjutan tempoh projek perlu dilampirkan bersama dokumen berikut: (1) Laporan Kemajuan yang terkini. (2) Maklumat aktiviti Penyelidikan bagi tujuan pelanjutan tempoh projek yang dipohon. (3) Maklumat status Pencapaian Milestone (gantt chart) projek (berdasarkan milestone di dalam proposal asal) . Permohonan pelanjutan tempoh projek hanya akan dipertimbangkan bagi projek yang telah mencapai 50% prestasi projek dan 70% jumlah perbelanjaan peruntukan semasa. Maksimum tempoh kelulusan hanya untuk 6 bulan sahaja dari tarikh akhir projek .	

HASIL PENYELIDIKAN	<p>Ketua Penyelidik perlu menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan dalam Jurnal ISI (Q1 – Q4) . Penghargaan kepada geran BKP (No. geran) mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.</p> <p>Kegagalan pemohon untuk mengemukakan bukti penerbitan Jurnal ISI yang berserta dengan no. geran akan menjejaskan permohonan peruntukan penyelidikan daripada Universiti Malaya pada masa akan datang.</p> <p>Bukti penerbitan perlu dikemukakan ke Pejabat Pengarah IPPP setelah ia diterbitkan (tidak semestinya dalam tempoh geran aktif).</p>
---------------------------	---

Dikemaskini pada: 11 Februari 2016